

**PEMBERIAN KERJA RUMAH MATEMATIK
DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA
DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH LUAR
BANDAR DAERAH KOTA BELUD:
SATU KAJIAN KES.**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PEMBERIAN KERJA RUMAH MATEMATIK
DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA
DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH LUAR
BANDAR DAERAH KOTA BELUD:
SATU KAJIAN KES**

NORHANA YATIH BINTI KAKOM



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIHANTAR SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN
PENGAJARAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29 MEI 2014



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Norhana", is written above a horizontal line.

Norhana Yatih Kakom

MT 1212 277 T

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NORHANA YATIH BINTI KAKOM**

NO. MATRIK : **MT 1212 277 T**

TAJUK : **PEMBERIAN KERJA RUMAH MATEMATIK DALAM
KALANGAN MURID TAHUN LIMA DI SEBUAH SEKOLAH
LUAR BANDAR DAERAH KOTA BELUD; SATU KAJIAN KES.**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN
(KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**



UMS

DISAHKAN OLEH

PENYELIA

PROF. MADYA DR. CHRISTINA PETER LIGADU

TANDATANGAN

PENGHARGAAN

'Sempurna penceritaan tidak seindah sedetik pengalamari'

Sedetik pengalaman yang amat berharga terjelma jua akhirnya. Puji dan syukur ke hadrat Ilahi yang mengurniakan peluang dan kekuatan dalam menempuh perjalanan ini.

Sekalung budi dan setinggi penghargaan kepada penyelia Profesor Madya Doktor Christina Peter Ligadu atas bimbingan berterusan, buah fikiran yang bernas tatkala diri ini berdepan kebuntuan serta kata-kata semangat dan dorongan yang memberi kekuatan ketika kuntuman putus asa mulai memutik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga terhadap staff Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sosial UMS dan PLUMS yang banyak membantu, terutama sekali Encik Saiful yang banyak membantu menyelesaikan masalah teknikal yang dihadapi.

Syukur dan penghargaan yang tidak terhingga atas kasih sayang dan pengertian ahli keluarga sepanjang diri ini bergelumang dengan buku-buku dan jurnal. Encik Mohamad Alias Lakim Abdullah, anda yang teratas di hati dan setia di sisi tatkala diri ini gundah gulana berdepan cabaran. Aliff, Aleesha dan Farish, anda bertiga adalah penawar dalam setiap episod lara....

Seterusnya terima kasih di atas semangat dan kekuatan yang dikongsikan oleh sahabat baik, Cik Shariatulfaizah, akhirnya noktah pertama ditemui, semoga kita diberi kekuatan untuk memulakan bab yang seterusnya. Rakan-rakan sekolaborasi Kak Helena, Kak Mimi, Cikgu Philip dan yang lain-lain, anda semua memang ohsem...

Diri ini juga, terhutang budi kepada institusi dan para peserta kajian yang memberi kerjasama dalam perjalanan ini.

Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa kalian.

ABSTRAK

PEMBERIAN KERJA RUMAH MATEMATIK DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA DI SEBUAH SEKOLAH LUAR BANDAR DAERAH KOTA BELUD; SATU KAJIAN KES.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji amalan pemberian kerja rumah dalam kalangan guru-guru tahun lima di sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Kota Belud. Selain itu persepsi dan penglibatan ibu bapa murid dalam kerja rumah serta faedahnya terhadap pembelajaran akan turut dikaji. Pengkaji bertindak sebagai instrumen dalam kajian kualitatif ini untuk mengumpul data hasil daripada temu bual dengan guru-guru dan ibu bapa selain menganalisis dokumen yang berkaitan dengan pemberian kerja rumah. Tujuan utama pemberian kerja rumah adalah sebagai pengukuhan dan latih tubi kepada topik yang telah dipelajari dalam sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru memberikan kerja rumah setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran berakhir. Kerja rumah tersebut menuntut penglibatan ibu bapa yang berperanan sebagai pembimbing dan pemantau ketika anak menyiapkan kerja rumah yang diberikan. Ibu bapa menyokong pemberian kerja rumah kerana melihatnya sebagai satu 'alat' yang menggalakkan anak untuk belajar. Faedah kerja rumah dalam pembelajaran dapat dilihat dalam proses belajar ketika menyiapkan kerja rumah seterusnya membawa kepada pencapaian dalam Matematik.

ABSTRACT

THE PRACTISE OF MATHEMATICS HOME WORK AMONG YEAR FIVE STUDENTS IN A RURAL PRIMARY SCHOOL OF KOTA BELUD;

A CASE STUDY.

The objective of this study is to examine the practice of homework among the year five teachers in a rural primary schools in the district of Kota Belud. The perception and parentals involvement in home work and its benefit towards students' learning have been studied. The researcher acted as a human instrument in this qualitative study to collect data from series of interviews with teachers and parents as well as analyzing documents related to homework assignments. The main purpose of homework are to reinforce and drills the topics that pupils have learned in the classroom. Therefore teachers give homework at the end of every learning session. Homework demands the involvement of parents who serve to guide, support and monitors when children are doing their homework. Parents agreed with homework assignment because it is assume as a ' tool ' that encourage children to learn. The benefits of homework in learning can be seen in the learning process during completing their homework which leads to Mathematics achievement.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii	
PENGESAHAN	iii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
SENARAI KANDUNGAN	vii	
SENARAI JADUAL	xii	
SENARAI RAJAH	xiii	
SENARAI LAMPIRAN	xiv	
BAB 1		
PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Batasan Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	9
1.8.1	Persepsi	9
1.8.2	Kerja Rumah	10
1.9	Kesimpulan	11

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Definisi Konsep Kerja Rumah	13
	2.2.1 Jenis dan Tujuan Pemberian Kerja Rumah	15
2.3	Pengelolaan Kerja Rumah	18
2.4	Faedah Pemberian Kerja Rumah Kepada Pembelajaran	21
2.5	Teori Pembelajaran	24
	2.5.1 Teori Kognitif Jerome Bruner	25
2.6	Peranan Ibu Bapa Dalam Kerja Rumah	26
	2.6.1 Menyediakan Kemudahan	28
	2.6.2 Memantau Anak	28
	2.6.3 Memberi Tunjuk Ajar dan Bimbingan	29
	2.6.4 Memberi Motivasi	29
2.7	Persepsi dan Penglibatan Ibu Bapa	30
	2.7.1 Persepsi Ibu bapa terhadap kerja rumah	30
	2.7.2 Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran	31
	2.7.3 Faedah Penglibatan Ibu Bapa dalam Pembelajaran	32
2.8	Model dan Teori Kajian	33
	2.8.1 Gaya keibu bapaan	33
	2.8.2 Teori Hierarki Keperluan Maslow	35
	2.8.3 Motivasi	39
2.9	Kerangka Teoretikal Kajian	42
2.10	Kesimpulan	45



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	46
3.1	Rekabentuk Kajian	47
	3.2.1 Penyelidikan Kualitatif	47
	3.2.2 Kajian Kes	48
3.2	Informan dan Lokasi Kajian	50
	3.2.1 Lokasi Kajian	50
	3.3.2 Pemilihan Informan	50
3.3	Pengumpulan Data	52
	3.3.1 Alat Pengumpulan Data	52
	3.3.2 Prosedur Pengumpulan Data	53
3.4	Prosedur Penganalisan Data	58
	3.4.1 Pendekatan 'Grounded Theory'	59
	a) Pengekodaan	60
3.5	Penulisan Laporan Penyelidikan	62
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
	3.6.1 Triangulasi	64
	3.6.2 <i>Member Checking</i>	64
	3.6.3 <i>Peer examination</i>	65
3.7	Prosedur Kajian	65
3.8	Etika Kajian	66
3.9	Kesimpulan	67



BAB 4**ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	69
4.2	Demografi Informan	69
	4.2.1 Guru	69
	4.2.2 Ibu bapa	72
4.3	Dapatan Kajian	78
	4.3.1 Kerja Rumah	79
	4.3.2 Penglibatan dan Peranan Ibu Bapa dalam Kerja rumah	86
	4.3.3 Pengaruh Penglibatan Ibu Bapa Dalam Kerja Rumah	89
	4.3.4 Faedah menyiapkan kerja rumah terhadap Pencapaian	91
4.4	Gaya Keibubapaan	91
	4.4.1 Gaya Autoritatif	91
	4.4.2 Gaya Autoritarian	93
	4.4.3 Gaya Permisif	94
4.5	Gaya Keibubapaan dan Penyiapan Kerja rumah	98
4.6	Kesimpulan	98

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	99
5.0	Pendahuluan	99
5.1	Amalan Kerja Rumah	99
5.2	Persepsi dan Penglibatan Ibu Bapa	101
5.3	Faedah Kerja Rumah Terhadap Pembelajaran	104
5.4	Gaya Keibubapaan	105
5.5	Implikasi Kajian	105
	5.5.1 Implikasi kepada guru	106
	5.5.2 Implikasi kepada ibu bapa	107
	5.5.3 Implikasi kepada murid	107
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	107
5.7	Kesimpulan	108

BIBLIOGRAFI

110

LAMPIRAN

119



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Jadual

		Muka Surat
Jadual 2.1	Taksonomi Kerja Rumah	14
Jadual 3.1	Komposisi Informan Kajian	51
Jadual 3.2	Transkripsi Informan Kajian	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Rajah

	Muka Surat
Rajah 2.1 Panduan Pemberian Kerja Rumah di Malaysia	20
Rajah 2.2 Model Kerja Rumah	27
Rajah 2.3 Peringkat Hierarki Keperluan Maslow	36
Rajah 2.4 Kerangka Teoretikal Kajian	44
Rajah 3.1 Prosedur Pelaksanaan Penyelidikan	63



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Lampiran

Muka Surat

LAMPIRAN A	Surat kebenaran EPRD untuk menjalankan kajian	119
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Peserta Kajian	120
LAMPIRAN C	Protokol Temu bual	121
LAMPIRAN D	Rekod Pemberian Kerja Rumah Cikgu Tomy	123
LAMPIRAN E	Log Penghantaran Kerja Rumah 5G Untuk Bulan Januari	124
LAMPIRAN F	Rekod Pemberian Kerja Rumah Puan Liza Bagi Bulan Jan	125
LAMPIRAN G	Rekod Pemberian Kerja Rumah Cikgu Liza Bagi Bulan Feb	126
LAMPIRAN H	Log Penghantaran Kerja Rumah 5C Bagi Bulan Januari	127
LAMPIRAN I	Buku Kerja Murid 5G – Semakan Kerja Rumah	128
LAMPIRAN J	Buku Kerja Murid 5C – Latihan Pengukuhan Dalam Kelas	129
LAMPIRAN K	Buku Latihan Murid 5C – Kerja Rumah	130
LAMPIRAN L	Buku Kerja Murid 5C	131
LAMPIRAN M	Buku Latihan murid 5G – semakan buku.	132
LAMPIRAN N	Buku Latihan Murid 5C – Kerja Rumah tidak siap.	133
LAMPIRAN O	Keputusan ujian 1 Mac 2014	134
LAMPIRAN P	Audit Trail	135
LAMPIRAN Q	Pencapaian 5C dalam Ujian 1 Mac 2014	138

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pembelajaran boleh berlaku di luar lingkungan kawasan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti (KPM, 2013). Untuk mewujudkan sistem pendidikan yang efektif, kerjasama semua pihak perlu diwujudkan, termasuk sokongan daripada setiap peringkat komuniti (Tuovinen, 2008). Komuniti yang dimaksudkan adalah terdiri daripada pemimpin, pentadbir sekolah, guru serta ibu bapa. Apabila kesemua pihak yang disebutkan di atas memainkan peranan masing-masing secara proaktif maka pencapaian akademik murid-murid akan dapat ditingkatkan.

Sistem pendidikan di Malaysia sendiri menyedari akan hakikat bahawa pendidikan berkesan akan dapat dicapai menerusi kerjasama semua pihak. Pelancaran program Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin yang merupakan Menteri Pelajaran Malaysia pada 24 Februari 2013, menampakkan usaha kerajaan dalam menyatukan semua pihak berkepentingan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti global menerusi sekolah. Program ini merupakan salah satu intipati yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (KPM, 2013). Terdapat empat elemen utama dalam Sarana Ibu Bapa iaitu penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak dan sokongan terhadap kecemerlangan anak.

Usaha ke arah pemantapan sistem pendidikan ini pula, adalah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, guru memikul amanah dan tanggungjawab yang amat penting untuk merealisasikan hasrat tersebut. Guru-guru perlu mengelolakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan kaedah yang lebih efektif agar dapat membantu murid untuk meningkatkan pencapaian akademik masing-masing.

Dalam usaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif, guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan yang bertujuan untuk memperkukuh pemahaman murid terhadap sesuatu konsep yang diajar. Salah satu amalan pengajaran dan pembelajaran guru-guru adalah memberikan kerja rumah kepada murid. Pemberian kerja rumah adalah amat sinonim dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik. Dalam tahun 2003, isu yang berkaitan dengan pemberian kerja rumah hangat dibincangkan sebagai kesan daripada Third International Mathematics and Science Study (TIMSS). Kajian TIMSS mendapati bahawa pencapaian murid di Amerika Syarikat dan Jerman adalah kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan murid di Jepun dan Korea Selatan. Pencapaian tersebut dipengaruhi oleh masa yang diluangkan untuk aktiviti kerja rumah bagi mengulang kaji mata pelajaran Matematik adalah lebih lama bagi murid di kedua-dua negara tersebut (Trautwein & Koller, 2003). Guru-guru di negara Jepun juga lebih kerap memberikan kerja rumah kepada murid (House, 2001).

Di Malaysia pula, kajian TIMSS pada tahun 2011 telah menunjukkan penurunan prestasi Matematik mendadak sepanjang empat kali penilaian daripada tahun 1999. Laporan TIMSS 2011 ini juga mendedahkan trend kejatuhan kedudukan Malaysia untuk subjek Matematik iaitu dari kedudukan ke-16 pada tahun 1999 dan kedudukan ke-26 pada tahun 2011. Begitu juga dengan trend kejatuhan markah purata bagi subjek Matematik iaitu 519 pada tahun 1999, kepada 440 pada tahun 2011 (TIMSS, 2011). Kemerosotan dalam prestasi Matematik ini menunjukkan bahawa tindakan segera perlu dilakukan untuk memastikan pelajar-pelajar di Malaysia kembali bersaing dalam pencapaian

Matematik di peringkat antarabangsa. Salah satu punca terhadap kemerosotan dalam pencapaian seseorang pelajar adalah disebabkan oleh sikap kurang mengambil berat terhadap kepentingan menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru (Boyle, 2008). Apabila seseorang pelajar tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan, objektif yang cuba dicapai menerusi pemberian kerja rumah tidak akan dapat dipenuhi. Hal ini demikian kerana dengan menyiapkan kerja rumah, kefahaman terhadap sesuatu topik dapat dipertingkatkan serta menguatkan daya ingatan terhadap topik tersebut (Cooper, 1989b). Cooper dan Valentine (2001) juga turut mendapati bahawa murid yang memperuntukkan lebih masa untuk menyiapkan kerja rumah cenderung untuk mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik.

Penguasaan Matematik dalam kalangan murid semenjak sekolah rendah lagi adalah amat perlu kerana Matematik dilihat sebagai pelengkap dalam pembangunan Sains dan Teknologi di mana pemerolehan daripada pengetahuan Matematik mesti dipertingkatkan secara berkala untuk menyediakan sumber tenaga yang mahir bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Sehubungan dengan matlamat di atas juga, penekanan amat dititik beratkan kepada kejayaan negara untuk melahirkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan negara, yang mana hasrat ini dapat diwujudkan menerusi sistem pendidikan yang mantap. Berdasarkan kenyataan di atas juga, maka subjek Matematik dipilih untuk kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu berkaitan pemberian kerja rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid-murid telah menjadi topik yang sering dijadikan bahan kajian dan penyelidikan sejak sekian lama dahulu. Antara kajian terawal berkaitan kerja rumah telah dilakukan oleh penyelidik bernama Hagan (1927) yang telah membuat perbandingan tentang kesan pemberian kerja rumah kepada sekumpulan murid lingkungan usia 11 hingga 12 tahun. Ini menunjukkan bahawa isu tentang pemberian kerja rumah dan kesannya kepada pencapaian akademik murid telah mula menarik perhatian sejak dahulu lagi. Meskipun isu ini telah bermula hampir seabad yang lalu, namun pengkaji-pengkaji masih belum mencapai kesepakatan

tentang penggunaan kaedah kerja rumah sebagai salah satu amalan yang benar-benar efektif dalam meningkatkan pencapaian murid dalam bidang akademik.

Perkembangan dalam penyelidikan berkaitan kerja rumah menyaksikan ramai pengkaji menjalankan penyelidikan ke atas hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian. Yeo dan Ainul (2011), Keith (2004), Van Voorhis (2003) dan De Jong *et al.* (2000), mendapati bahawa terdapat kesan positif daripada kerja rumah yang diberikan ke atas pencapaian akademik pelajar. Kajian juga mendapati bahawa murid yang menyiapkan kerja rumah mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding mereka yang tidak menyiapkan kerja rumah (Patall *et al.*, 2008; Cooper *et al.*, 2006 dan Cooper, 1989a). Penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah boleh mempengaruhi pencapaian anak di sekolah apabila ibu bapa dapat memastikan anak-anak menyiapkan tugas yang diberikan (Cooper *et al.*, 2006).

Ibu bapa lazimnya memantau kerja rumah dengan memastikan anak-anak menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru (Drummond dan Stipek, 2004; Balli *et al.*, 1998 dan Hoover-Dempsey *et al.*, 1995). Apabila ibu bapa meluangkan masa dan memperlihatkan usaha menyokong anak dalam menyiapkan kerja rumah, mereka secara tidak langsung terlibat dalam pembelajaran anak mereka. Ini adalah antara aspek utama yang disyorkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi program SARANA ibu bapa. Apabila anak-anak mengetahui bahawa ibu bapa mereka sangat mengutamakan pendidikan, maka nilai pembelajaran mereka begitu tinggi dalam diri mereka (KPM, 2013). Antara manfaat utama penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak adalah mereka dapat mengetahui apa yang dipelajari dan bagaimana anak mempelajarinya di sekolah. Maklumat ini dapat memandu ibu bapa dalam membina kemahiran kognitif dan metakognitif anak mereka (Pomerantz *et al.*, 2007).

Kebanyakan sekolah mempunyai polisi berkaitan dasar pemberian kerja rumah kepada murid. Sekadar menyebut beberapa negara seperti England, New South Wales dan Australia adalah antara negara di dunia yang mana banyak sekolah dan daerah menetapkan polisi berkaitan pemberian kerja rumah. Pentadbir di kebanyakan sekolah di ketiga-tiga negara tersebut berpendapat bahawa kerja

rumah adalah sesuatu yang sangat berguna. Ia membolehkan pelajar untuk mempraktik, memperluas dan memperkukuh kemahiran yang dipelajari di dalam kelas. Kerja rumah juga melatih pelajar untuk merancang masa dan membangunkan pelbagai kemahiran dalam mengenal pasti dan menggunakan sumber-sumber maklumat. Selain itu, ia dapat memupuk tabiat belajar, tumpuan serta disiplin diri seseorang pelajar (Queensland Parliamentary Library, 2007). Dalam sistem pendidikan di Malaysia sendiri, kerja rumah adalah merupakan antara elemen yang dititikberatkan dalam sistem persekolahan dan perlu diberi perhatian. Seperti yang terkandung dalam Pekeliling Ikhtisas bil 12/2004 : Garis Panduan Umum pemberian kerja rumah, ada disebutkan tentang peranan kerja rumah dalam memperkukuh dan memperkaya pemahaman murid terhadap sesuatu konsep pembelajaran (KPM, 2004).

1.3 Pernyataan Masalah.

Kerja rumah adalah amalan biasa dalam sistem pembelajaran dan perlu dilakukan oleh seseorang murid. Kerja rumah yang diberikan di sekolah perlu disiapkan di luar waktu persekolahan, yang mana lazimnya akan dilakukan di rumah. Namun demikian tidak semua murid dapat menyiapkan kerja rumah yang diberikan berikutan pelbagai kekangan yang dihadapi termasuk masalah peribadi, faktor sosial dan sebagainya. Kajian mendapati penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah yang diberikan dapat meningkatkan kadar penyiapan kerja rumah yang diberikan oleh guru (Cucchiara dan Horvat, 2009). Penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah anak-anak juga didapati memberi kesan peningkatan pencapaian akademik (Jeynes, 2007). Maka dengan itu, tidak hairan jika penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran telah menjadi fokus dalam kajian pendidikan dan turut menjadi komponen penting dalam polisi pendidikan.

Polisi pendidikan di Malaysia turut mementingkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak apabila menjadikan program Sarana Ibu Bapa sebagai salah satu agenda dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025. Terdapat lima faedah yang disasarkan oleh kementerian pendidikan jika ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak-anak. Antaranya termasuk agar anak

mendapatkan markah dan gred yang lebih baik dan mempunyai nilai sendiri dan motivasi yang lebih tinggi (KPM, 2013). Penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah yang diberikan oleh guru-guru di sekolah merupakan salah satu peranan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka.

Namun demikian, guru-guru dan pentadbir sekolah mempunyai kurang pengetahuan tentang persepsi ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam pembelajaran anak (Epstein dan Sanders, 2000). Dapatan dari kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat dan negara-negara lain seperti Chile, Cyprus serta Australia menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak tahu apa yang dilakukan oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dan bagaimana cara untuk melibatkan mereka di sekolah ataupun di rumah. Guru-guru juga tidak tahu maklumat yang diperlukan oleh ibu bapa agar mereka dapat melibatkan diri secara lebih efektif dalam pembelajaran anak-anak mereka.

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa persepsi ibu bapa mengenai pemberian kerja rumah dan penglibatan mereka perlu ditinjau. Kekurangan maklumat berkaitan persepsi dan penglibatan ibu bapa terhadap pemberian kerja rumah boleh membantutkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, yang menuntut penglibatan ibu bapa menerusi anjakan kesembilan iaitu KPM bekerjasama dengan ibu bapa dengan cara melengkapi ibu bapa bagi membantu pembelajaran anak-anak. Menurut Coleman (2013), dengan memahami latar belakang sesuatu komuniti, informasi tentang kesukaran yang dihadapi akan dapat diperolehi. Maklumat tersebut merupakan laluan kepada usaha intervensi yang dapat mengatasi masalah yang dihadapi.

Meskipun polisi pendidikan di Malaysia amat menitikberatkan pemberian kerja rumah dalam amalan pengajaran, namun sangat kurang penyelidikan berkenaan kerja rumah secara meluas di negara ini yang didokumentasikan (Yeo dan Ainul, 2011). Oleh yang demikian lebih banyak kajian mengenai pemberian kerja rumah perlu dilaksanakan agar terjalin kesefahaman antara pihak-pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan antaranya termasuk penggubal dasar, pentadbir sekolah, guru-guru, murid-murid serta ibu bapa.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berhubung amalan pemberian kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid-murid tahun lima. Persoalan yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

- a) Bagaimanakah amalan pemberian kerja rumah dalam kalangan guru-guru Matematik tahun lima?
- b) Bagaimanakah persepsi dan penglibatan ibu bapa terhadap pemberian kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik?
- c) Apakah faedah yang diperolehi daripada pemberian kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- a) Mengkaji amalan pemberian kerja rumah dalam kalangan guru Matematik Tahun lima.
- b) Mengkaji persepsi ibu bapa terhadap pemberian kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik tahun lima.
- c) Mengkaji apakah faedah yang diperolehi daripada pemberian kerja rumah dalam mata pelajaran Matematik tahun lima.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan di kalangan ibu bapa murid tahun lima di sebuah sekolah rendah luar bandar di daerah Kota Belud. Kajian juga akan turut melibatkan guru mata pelajaran Matematik di sekolah yang dipilih untuk melihat rekod pemberian kerja rumah serta meninjau maklumat berkaitan kaedah pengelolaan kerja rumah untuk subjek yang terlibat.

Kajian ini hanya terbatas untuk persepsi ibu bapa murid tahun lima terhadap pemberian kerja rumah mata pelajaran Matematik serta maklumat berkaitan pengelolaan kerja rumah oleh dua orang guru Matematik tahun lima di sekolah yang terlibat. Jumlah informan juga terhad kepada ibu bapa yang bersetuju

untuk ditemubual. Maklumat yang dikumpul juga hanya terhad kepada pandangan informan. Berdasarkan masa dan kos yang terhad juga menyebabkan hanya lapan informan (dua orang guru dan lapan orang ibu bapa) diambil.

Selain itu, kajian ini terbatas kepada ibu bapa murid dari suku kaum Kadazandusun sahaja. Ini kerana hampir 98% murid di lokasi kajian adalah dari suku kaum Kadazandusun. Suku kaum Kadazandusun adalah etnik yang terbesar di Sabah iaitu kira-kira 18% daripada 2 603 485 jumlah penduduk Sabah (Jabatan Perangkaan, 2009). Suku kaum Kadazandusun diketahui umum sebagai etnik yang masih menebal dengan ciri dan nilai kebudayaan yang menjadi pegangan dan ikutan.

Kajian ini juga adalah terbatas mengikut pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pengkaji yang masih baharu dalam bidang penyelidikan pendidikan. Di samping itu, oleh sebab pengkaji turut bertindak sebagai instrumen kajian, berlaku kemungkinan bias berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada, pengalaman dan sikap terhadap nilai kerja rumah kepada pencapaian akademik.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau amalan pemberian kerja rumah dalam kalangan guru-guru Matematik tahun lima. Ia akan dapat membantu guru-guru memperbaiki amalan dan kaedah pemberian kerja rumah kepada murid, khususnya dalam mata pelajaran Matematik. Menurut Coleman (2013), seseorang guru dapat membantu golongan ibu bapa untuk melibatkan diri mereka dalam pembelajaran anak-anak. Dengan mendengar dan mengetahui pandangan dan kebimbangan ibu bapa, guru-guru dapat merancang suatu mekanisme untuk mengatasi kebimbangan yang disuarakan. Hasil kajian akan dapat membantu guru-guru untuk menetapkan kuantiti soalan dan kaedah yang paling sesuai untuk memberikan kerja rumah tersebut kepada murid. Golongan guru sering kali berdepan dengan soalan, berapa banyak soalan yang perlu diberikan supaya cukup untuk murid tersebut memahami dan mendalami topik yang telah diajar. Selain itu, hasil kajian

ini akan dapat menghilangkan rasa was-was sesetengah guru tentang pemberian kerja rumah.

Pada masa kini terdapat guru yang kurang yakin untuk memberikan kerja rumah kepada murid kerana bimbang akan dipertikaikan oleh ibu bapa tentang kewajaran kerja rumah tersebut. Ini disebabkan oleh pengalaman lalu yang mana sesetengah ibu bapa datang ke sekolah dan melahirkan rasa tidak senang kepada guru kerana memberikan kerja rumah yang banyak kepada anak mereka, hingga menyebabkan anak mereka bosan untuk ke sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu guru-guru untuk menggunakan kaedah pendekatan atau strategi yang lebih sesuai semasa memberi kerja rumah kepada murid. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru-guru untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan di dalam pengajaran mereka terutamanya dari segi pemberian kerja rumah.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam sesuatu kajian adalah merupakan beberapa perkataan yang dipilih oleh penyelidik untuk diberikan huraian supaya tidak mengelirukan pembaca yang berkemungkinan mempunyai maksud lain seperti yang dipersepsikan oleh penyelidik. Definisi operasional bukan definisi kepada tajuk kajian sebaliknya membantu menjelaskan dan memahami masalah dan konteks bidang yang dikaji. Ia juga menerangkan konsep khusus dalam bidang berkaitan (Ennis, 1964).

1.8.1 Persepsi

Persepsi ialah tafsiran minda terhadap apa yang dilihat. Dengan erti kata lain, persepsi boleh dianggap sebagai maksud yang diungkap oleh minda berdasarkan kepada apa yang disaksikan. Individu yang berbeza boleh memberikan tanggapan yang berbeza ke atas sesuatu perkara yang disaksikan atau dialami. Dengan itu pengertian mereka ke atas sesuatu perkara boleh menjadi berlainan. Oleh itu, setiap individu mungkin melakukan perkara berbeza berdasarkan pengertian masing-masing (Freud, 1975).